

26 JUN 2002

Arroyo-Mahathir/I

ARROYO TERKEJUT KEPUTUSAN DR MAHATHIR

MANILA, 26 Jun (Bernama) -- Keputusan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk meletakkan jawatan tahun depan memeranjatkan Presiden Gloria Arroyo, kata jurucakapnya hari ini.

Pemangku setiausaha akhbar Arroyo, Silvestre Afable memberitahu pemberita bahawa presiden Filipina itu tidak menduga Dr Mahathir akan melepaskan jawatannya secepat itu.

Katanya, Arroyo juga berharap keputusan Dr Mahathir itu tidak akan menjejaskan kestabilan politik di rantau ini.

"Mengenai kesinambungan kepimpinan di Malaysia, kami tidak ragu-ragu mengatakan bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang sangat stabil (dan berharap) hubungannya dengan Asean tidak akan terjejas," kata jurucakap itu.

Selain Filipina, Malaysia adalah negara pengasas Asean yang turut dianggotai Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Myanmar, Singapura, Thailand dan Vietnam.

Afable berkata Arroyo "mempunyai hubungan peribadi yang sangat rapat dengan Perdana Menteri Mahathir".

"Beliau banyak menolong kami terutama dalam proses damai di Mindanao dan kami agak terkejut dengan keputusannya itu," kata Afable.

Malaysia telah menjadi tuan rumah bagi beberapa siri rundingan antara Manila dan Barisan Pembebasan Islam Moro sejak tahun lepas yang membawa kepada termeterainya perjanjian gencatan senjata antara kedua-dua pihak.

Bulan lepas Malaysia menandatangani perjanjian dengan Filipina dan Indonesia untuk bekerjasama memerangi keganasan antarabangsa.

-- BERNAMA

ALJ AHH SP MAI